

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY
SANTIAGO [KLANG]**

TARIKH : 28 MEI 2015 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan penjawat awam atau pekerja kontrak yang menerima gaji bulanannya kurang daripada dasar gaji minima Kerajaan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penjawat awam yang menerima gaji pokok bulanan di bawah paras gaji minima RM900.00 sebulan seperti mana yang ditetapkan dalam Perintah Gaji 2012 adalah seramai 4,600 orang. Ia meliputi 4,381 orang lantikan tetap dan 219 orang lantikan kontrak.

Walau bagaimanapun, sekiranya gaji berkenaan dicampur dengan elaun tetap bulanan, tiada penjawat awam yang menerima pendapatan di bawah paras gaji minima RM900 sebulan.

Sekian. Terima kasih.